

## 2.3 Tan Durian Serikan Sambutan Hari Keluarga UPSI 2025

**Tanjong Malim, 25 Julai** - Suasana mesra dan penuh kemeriahannya mewarnai Kampus Sultan Azlan Shah, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) apabila sebanyak 2.3 tan durian diagihkan kepada warga universiti sempena Sambutan Hari Keluarga UPSI 2025 yang diadakan serentak dengan Perhimpunan Bulanan Edisi Julai. Lebih daripada sekadar jamuan istimewa, pengagihan buah durian serta pelbagai buah-buahan tempatan lain membawa simbolik mendalam tentang kemewahan rezeki, semangat kebersamaan dan hasil usaha kolektif seluruh warga UPSI.

Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff berkata, majlis ini mencerminkan kekayaan biodiversiti negara serta budaya berkongsi nikmat sesama komuniti. "Jamuan ini bukan sekadar mengisi ruang santai, tetapi ia melambangkan semangat kerjasama dan kesyukuran yang menyatukan kita sebagai sebuah keluarga besar dalam dunia pendidikan," katanya ketika menyempurnakan majlis yang berlangsung di Gerbang Suria, di sini. Sambutan Hari Keluarga UPSI turut dilihat sebagai wadah yang memperkuatkhan hubungan silaturahim dan budaya kerja berpasukan. Md Amin berkata, adalah atas kepada kekuatan sesebuah institusi dan beliau menekankan semangat kekitaan yang lahir daripada hubungan harmoni antara warga kerja menjadi tunjang kepada kepercayaan dan kecekapan dalam organisasi.

"Kita semua adalah satu keluarga besar keluarga pendidik. Budaya kerja yang berpasukan bermula daripada hati yang saling menghargai dan mempercayai antara satu sama lain," katanya lagi. Md Amin turut merakamkan penghargaan kepada Ikatan Persatuan Kesatuan Kakitangan UPSI (JITU) selaku pengangur utama, atas kerjasama erat bersama Persatuan Wanita UPSI (PEWARIS), Kesatuan Pegawai Am UPSI (KPA), Persatuan Kakitangan Akademik UPSI (PEKA) dan Persatuan Tadbir dan Pegawai Ikhtisas UPSI (PRESTASI) serta sokongan padu pelbagai fakulti dan pusat tanggungjawab universiti.

"JITU telah membuktikan apabila kita bersatu hati dan sejiwa, walaupun datang daripada latar belakang serta skop kerja berbeza, hasilnya adalah sesuatu yang luar biasa. "Budaya ini harus terus dipupuk untuk memperkuuh perpaduan warga UPSI," katanya.

Dalam majlis yang sama, turut berlangsung pelancaran sistem Integrated Collaboration and Networking System (ICONS), sebuah inisiatif Jabatan Strategik UPSI yang bertujuan memperkasa keupayaan kolaboratif warga universiti. Turut dilancarkan ialah Dasar Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (Pindaan 2025) yang dikelolakan oleh Bahagian Pengurusan Risiko dan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UPSI. Acara berkenaan dimeriahkan lagi dengan penyediaan gerai juadah tempatan oleh pelbagai fakulti dan jabatan, disertai pelbagai aktiviti kekeluargaan yang mengeratkan hubungan antara warga akademik dan pentadbiran, tanpa mengira pangkat atau peranan.

Mengakhiri ucapannya, Md Amin menyampaikan mesej penuh makna.

"Hari ini kita bergembira bersama, esok kita terus melakar kecemerlangan bersama. UPSI unggul kerana warganya bersatu dan bekerja sebagai satu keluarga," katanya.





## NCDRC UPSI Perkuuh Jalinan Strategik Bersama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)

**Kuala Lumpur, 24 Julai** - Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-Kanak Negara (NCDRC), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), terus memainkan peranan aktif dalam memperkuuh pembangunan pendidikan awal negara melalui jalinan strategik dengan pelbagai kementerian dan agensi.

Terkini, satu sesi kunjungan hormat dan perbincangan rasmi telah diadakan bersama YB Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), bagi meneroka ruang kerjasama dalam bidang teknologi dan inovasi pendidikan awal kanak-kanak.

Delegasi NCDRC telah diketuai oleh Prof. Madya Dr. Mazlina Che Mustafa, Pengarah NCDRC, bersama barisan pengurusan dan pegawai sistem data yang berpengalaman dalam pengurusan pangkalan data kanak-kanak. Sesi pertemuan ini

berlangsung dalam suasana mesra dan penuh semangat kolaboratif, mencerminkan komitmen kedua-dua pihak untuk bersama-sama memacu inovasi dalam pendidikan awal negara.

Dalam sesi tersebut, Prof. Madya Dr. Mazlina telah membentangkan latar belakang penubuhan NCDRC, termasuk memperkenalkan inisiatif strategik seperti pembangunan sistem National Child Data Centre (NCDC) yang mengumpul data menyeluruh kanak-kanak Malaysia bagi tujuan pemantauan perkembangan, intervensi awal dan dasar pendidikan negara. Antara perkara utama yang dibincangkan termasuk potensi kerjasama dalam aspek penyelidikan dan pembangunan (R&D) bersama MOSTI, terutamanya dalam cadangan untuk membangunkan bilik darjah digital interaktif dan konvensyen inovasi 'Little Innovators'.

## Program SULAM Titian Kasih @ Komuniti Bandar Behrang 2020 bukti semangat mahasiswa UPSI

**Behrang, 22 Julai** - Program Titian Kasih @ Komuniti Bandar Behrang 2020, anjuran pelajar kursus Kuliah Penulisan Kreatif dan Deskriptif (BSK3103), Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dengan kerjasama Masjid Al-Hidayah Bandar Behrang 2020, Kawasan Rukun Tetangga (KRT), Kejiranan Wanita dan Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Behrang 2020 baru-baru ini berjaya dilaksanakan dengan penuh semangat dan komitmen tinggi.

Penasihat Program, Prof. Madya Dr. Ghazali Din berkata program yang berlangsung di perkarian Masjid Al-Hidayah ini menghimpunkan 277 mahasiswa kursus berkenaan bersama lebih 50 penduduk

setempat serta pelajar sekolah dalam aktiviti gotong-royong mega dan kitar semula. Katanya, objektif utama program adalah untuk mengukuhkan hubungan silaturahim antara institusi pendidikan dengan masyarakat, menggalakkan kerjasama dalam aktiviti kitar semula serta memupuk nilai keprihatinan, tanggungjawab sosial dan kesukarelawanan dalam kalangan mahasiswa.

"Saya berasa bangga dengan komitmen mahasiswa dalam menjayakan program berimpak tinggi ini, malah menekankan kepentingan nilai prihatin terhadap alam sekitar yang harus dipupuk sejak di bangku sekolah."



## Projek Pemindahan Ilmu (KTP) – Asas Suaian Fizikal dan Biomekanik untuk Jurulatih dan Atlet Sukan Silat

Program ini memfokuskan peningkatan keupayaan jurulatih dan atlet silat dalam aspek fizikal dan biomekanik melalui ceramah serta aktiviti amali berteraskan teknologi dan cybergogy. Hasil menunjukkan kefahaman peserta sangat baik. Program ini diharap dapat diteruskan bagi menyokong aspirasi UPSI sebagai pusat rujukan bidang sukan silat. Program dijalankan pada 14-16 Oktober 2024 bersama Khalifah Unggul Resources di Pertubuhan Seni Gayung Fatani Malaysia Cawangan Bangi dan Mercure Hotel, Putrajaya.

### ILMU YANG BERJAYA DIPINDAHKAN:

Program berjaya memindahkan ilmu asas teori dan praktikal kaedah latihan suaian fizikal dan biomekanik dalam silat serta asas komunikasi kejurulatihan bagi meningkatkan keberkesan latihan dan prestasi atlet.

### HASIL AKHIR KEPADA INDUSTRI / KOMUNITI SASARAN:

Program ini membantu meningkatkan kemahiran merancang sesi latihan suaian fizikal, memperkaya idea latihan berdasarkan analisis biomekanik serta menyedarkan jurulatih dan atlet tentang kepentingan latihan yang spesifik dalam meningkatkan prestasi sukan silat secara menyeluruh.

### HASIL AKHIR KEPADA PEMBANGUNAN MODAL INSAN:

Program ini meningkatkan komunikasi kejurulatihan dalam silat, memperkuuh ilmu suaian fizikal dan analisis biomekanik secara teori dan praktikal serta mengasah pengetahuan dan kemahiran dalam aspek pengurusan latihan.

### PULANGAN AKHIR KEPADA IPTA:

UPSI berpotensi menjadi pusat rujukan utama dalam bidang silat yang merangkumi kejurulatihan suaian fizikal, kaedah analisis biomekanik serta penyediaan program konsultansi khusus untuk meningkatkan kualiti latihan dan prestasi atlet silat secara berterusan.

### HASIL AKHIR TIDAK LANGSUNG YANG DITERIMA OLEH INDUSTRI / KOMUNITI (SASARAN):

Program ini menyumbang kepada peningkatan kualiti perancangan latihan fizikal, analisis biomekanik serta latihan teknikal dan taktikal dalam silat sekali gus memperkuuh pendekatan latihan menyeluruh bagi meningkatkan prestasi dan pencapaian atlet secara berterusan.

### HASIL AKHIR TIDAK LANGSUNG YANG DITERIMA OLEH PIHAK KETIGA (BUKAN SASARAN):

Program ini

meningkatkan prestasi atlet melalui jurulatih yang dilatih, meningkatkan kesedaran persatuan silat tentang kepentingan latihan berasaskan penyelidikan serta menjana pendapatan melalui sewaan kemudahan seperti dewan latihan.

### ISU/MASALAH/CABARAN KETIKA MELAKSANAKAN PROGRAM:

Latihan terpaksa diubah akibat cuti umum dan ketidakhadiran peserta pada sesi tertentu menyebabkan mereka tertinggal latihan penting sekali gus menjelaskan kesinambungan dan keberkesan program yang dirancang.

### CADANGAN PENAMBAHBAIKAN:

Inisiatif ini sangat baik bagi pensyarah menyebarkan dapatan kajian. Dicadangkan tempoh permohonan dipendekkan kepada dua tahun berbanding tiga tahun bagi meningkatkan keberkesan dan keterlibatan penyelidik.

### SENARAI PENYELIDIK:

1. Dr. Abdul Mu'iz Nor Azmi – Ketua (FSSKj)
2. Cik Nor Fazila Abd Malek (FSSKj)
3. Prof. Madya Dr. Ali Md Nadzalan (FSSKj)
4. Dr. Noorzaliza Osman (FSSKj)

Tanjong Malim



Sesi Ramah Mesra Naib Canselor Bersama Jemaah Haji



Program Taklimat ICONS dan Wacana Jaringan Kolaborasi: UPSI Mendunia, Mengimpak Madani

Tanjong Malim



Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) telah Menyampaikan Sumbangan 20 Unit Tablet kepada Pelajar UPSI

Tanjong Malim



AI Avengers from UPSI Crowned Champions at National AI Art Competition

